

**7,000 termasuk KM berhimpun di Esplanade_
MalaysiaKini.com
April 28, 2012
By Susan Loone**

Sekurang-kurangnya 7,000 orang berhimpun di Esplanade di George Town petang ini dan Presiden Aliran, Francis Loh menyuarakan rasa terkejutnya dengan bilangan mereka yang hadir.

Loh yang pertama berucap berkata, beliau menjangka hanya 200 hingga 300 akan hadir, tetapi teruja dengan bilangan mereka yang komited menuntut pilihan raya yang bersih dan adil.

NONEketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng dan pemimpin Pakatan Rakyat juga turut hadir. Tidak ada sebarang gangguan sepanjang perhimpunan itu diadakan.

Kira-kira jam 2.30 petang, semua orang telah diminta untuk duduk, termasuk hantu yang hadir, menyebabkan orang ramai ketawa.

Orang ramai kemudiannya mula melaungkan, Bersih! Cuci! dan Bantah! sebanyak tiga kali.

Kemudian pada kira-kira jam 2.30 petang, jumlah hadirin melonjak kepada kira-kira 7,000; botol air diedarkan, beg sampah disediakan, dan peserta tidak meninggalkan sampah kotor selepas protes tersebut.

Mereka menyanyikan lagu Bersih dan lagu Negaraku, serta deklamasi sajak Sasterawan Negara Datuk A Samad Said oleh Mustafa K. Annuar dari Aliran.

NONEanggota Pusat Krisis Wanita dilihat turut menyertai perhimpunan tersebut, dengan penyokong anti-Lynas penyokong yang memakai hijau membawa poster serta sepanduk mengenai perjuangan mereka menentang risiko radioaktif.

Sekumpulan rakyat Malaysia dari Los Angeles, Amerika Syarikat, turut membawa poster dengan slogan menuntut hak untuk mengundi, yang diketuai oleh jurutera Catherine Chow, yang merupakan pengundi kali pertama.

"Jika saya boleh melakukannya, sudah tentulah saya akan balik untuk mengundi, tetapi kita perlu bersedia. Kami harap pihak berkuasa dapat membolehkan kami mengundi dari mana kita berada," katanya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/196345>

